

Suara Pelajar...

# Bersama kita hapuskan rasuah

Ikan bawal, ikan tenggiri  
 Ikan kegemaran Pak Musa  
 Mengamalkan rasuah amalan keji  
 Kerana rasuah pemusnah bangsa

BENNARD A/L SELVARAOJ  
 SMK Raja Muda Musa, Teluk Intan Perak

**P**antun ini patut dihayati semua rakyat Malaysia kerana rasuah merupakan amalan yang keji, pemusnah bangsa dan keharmonian negara. Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, rasuah bermaksud pemberian untuk menumbuk rusuk iaitu penoleraian apa-apa suapan sebagai dorongan, upah atau untuk membolehkan seseorang melakukan sesuatu perbuatan atau tidak diambil tindakan.

Bersama-sama pulak bermaksud serentakatau berganding. Membanteras membawa maksud membasmi dan "kita" bermaksud penglibatan semua pihak. Secara keseluruhannya bersama-sama kita membanteras rasuah bermaksud kerjasama dan penglibatan semua pihak dalam proses membasmi amalan rasuah. Untuk membanteras amalan ini daripada terus menular, langkah yang praktikal harus diambil.

Antara langkahnya ialah peranan ibu bapa mendidik anak-anak mereka dengan nilai-nilai murni sejak kecil lagi, bak melentur buluh bilaiah dari rebungnya. Ibu bapa perlu memberi penekanan didikan agama kepada anak-anak mereka. Tanpa ajaran agama, sudah tentu ramai remaja apabila dewasa kelak akan mudah terjebak dalam kegiatan negatif ini. Malah ada yang tidak teragak-agak untuk melakukan sesuatu di luar batasan egama.

Pegangan agama dan nilai-nilai murni dalam jiwa anak-anak, dapat membantu mengurangkan amalan negatif, sekali gud akan terhakis sehingga ke akar umbi. Tanpa rasuah kehidupan kita akan lebih tenang kerana kegiatan rasuah boleh mencetuskan ketidakpuasan hati masyarakat.

Selain ibu bapa, pihak sekolah juga harus memikul tanggungjawab sama untuk membanteras amalan makan suap ini daripada terus menular. Pihak sekolah boleh menjemput penceraian dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menyampaikan ceramah tentang keburukan dan kearanya apabila seseorang menerima rasuah kepada pelajar. Ini dapat menyedarkan pelajar betapa buruk dan kejinya amalan rasuah. Pihak sekolah juga dicadangkan menubuhkan Kelab Pencegahan Rasuah di sekolah masing-masing supaya pelajar boleh dilibatkan terus dalam program-program anti rasuah yang dianjurkan oleh kelab berkenaan dengan pertubuhan atau yayasan jenayah yang lain.

Bagi guru-guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral, Pendidikan Islam dan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, penerapan nilai-nilai murni dalam jiwa pelajar yang bakal menjadi anggota masyarakat dan pemimpin negara pada masa hadapan harus diliberi keutamaan, kerana ilmu yang diajarkan oleh guru kepada para pelajar di sekolah tentunya akan dikongsi bersama ibu bapa dan saudara mala pelajar itu. Cara ini berkemungkinan akan turut membantu meningkatkan kesedaran bukan saja dalam diri pelajar itu tetapi kepada seluruh ahli keluarga dan masyarakat sekellingnya.

Dalam konteks yang lebih luas pula, pihak berwajib mestilah mengadakan kempen secara besar-besaran untuk menyedarkan anggota masyarakat yang masih tidak sedar dan memandang remeh keburukan gejala rasuah. Kempen-kempen sebegini boleh diadakan di sekolah atau di tempat-tempat awam yang menjadi tumpuan orang ramai.

Gunakan media cetak dan media elektronik termasuk internet yang kini lebih digemari orang ramai terutamanya golongan remaja. Kempen-kempen yang dilancarkan mestilah holistik agar semua masyarakat dapat menyertainya. Kesannya mungkin jauh lebih baik.

Mereka yang sering menjadi penerima dan pemberi rasuah juga mungkin akan berubah sikap dan sedar akan kesan dari perbuatannya.

Paling penting, seluruh masyarakat mestilah memainkan peranan. Anggota masyarakat mestilah peka dengan persekitaran. Orang ramai harus mengamalkan sikap 'menjaga tepi kain orang' dengan melaporkan jenayah rasuah kepada pihak berkuasa. Tindakan bertanggungjawab ini pasti dapat mengurangkan gejala rasuah di sesuatu tempat atau kawasan.

Kerajaan juga harus menguatkuaskan undang-undang dengan lebih telus dan tulus. Maria-maria orang yang didapati bersalah kerana menerima atau memberi rasuah, mereka harus dihukum dengan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang mereka lakukan. Contohnya, hukuman penjara sekurang-kurangnya satu tahun dan disebat. Hukuman denda yang dikenakan kepada pesalah adalah tidak berkesan kerana taraf hidup masyarakat kini telah tinggi dan mereka mampu membayarnya. Oleh itu, hukuman penjara dan sebat acalah lebih baik kerana boleh menginsafkan pesalah supaya tidak mengulangi kesalahan yang sama.

Selain pendidikan dan penguatkuasaan undang-undang, gaji pekerja harus dinaikkan kerana gaji yang tidak cukup untuk menampung hidup yang serba kebendaan ini menjadi salah satu punca seseorang melakukan rasuah. Jika gaji yang ditawarkan mencukupi untuk menyara kehidupan, maka amalan rasuah ini mungkin tidak akan berlaku.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah harus sentiasa memantau pegawai-pegawai tinggi supaya amalan makan suap ini tidak terus berlaku. Dengan pemantauan yang kerp dan penguatkuasaan undang-undang yang berterusan, tidak mustahil jenayah rasuah akan dapat dibendung.

Amalan rasuah iberat kanser yang boleh memusnahkan masyarakat, sistem pentadbiran dan pembangunan negara. Jika tidak dibanteras, rasuah mungkin akan menjadi sebahagian daripada budaya hidup masyarakat di negara kita. Justeru, marilah kita bersama-sama berganding bahu untuk memerangi amalan rasuah ini daripada terus bermaharajalela. Tanpa rasuah, hidup kita akan lebih tenang dan sejahtera. Bukanakah itu yang kita mahu? Untuk itu, langkah yang praktikal harus diambil dari sekarang kerana sesal dulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.

**Tahukah anda,  
 bahawa amalan  
 rasuah kini telah  
 menjadi rempah  
 ratus dalam  
 kehidupan  
 sehariyan  
 dan kian  
 bermaharajalela  
 di semua negara  
 kerana "negara  
 mana tidak  
 ditimpa hujan".**